

18/05/2000

PM hormai sumbangan Obuchi

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merakamkan penghargannya atas khidmat bakti bekas Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi, yang meninggal dunia Ahad lalu.

Penghargaan itu disampaikan Perdana Menteri kepada Duta Besar Jepun ke Malaysia, Hideki Harashima, selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Jepun di sini, hari ini.

Harashima berkata, Dr Mahathir turut menyatakan kesedihannya di atas kematian Obuchi.

"Saya berterima kasih kerana Perdana Menteri datang ke kedutaan ini untuk menandatangani buku takziah itu," katanya.

Harashima berkata, beliau pernah menyertai pertemuan di antara Dr Mahathir dan Obuchi di Tokyo Jun tahun lalu, dan kedua-dua pemimpin berkenaan begitu akrab.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang mengiringi Perdana Menteri ke kedutaan itu, turut menandatangani buku takziah berkenaan.

Hadir sama, Presiden Dewan Perdagangan Industri Malaysia-Jepun, Tan Sri Dr Kasumasa Suzuki serta isteri dan bekas Duta Besar Malaysia ke Jepun, Tan Sri H M Khatib yang kini Pengerusi Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec).

Obuchi, 62, meninggal dunia Ahad lalu, enam minggu selepas diserang angin ahmar yang menyebabkan beliau koma. Upacara pengebumian mendiang Obuchi diadakan di Tokyo semalam.

Obuchi, yang memberi sumbangan besar ke arah memulihkan ekonomi Jepun tetapi kehilangan sokongan awam awal tahun ini, dimasukkan ke hospital dalam keadaan koma pada 2 April lalu akibat serangan jantung.

Beberapa hari kemudian, Obuchi digantikan oleh Yoshiro Mori sebagai Perdana Menteri, dan walaupun kematiannya tidak mengejutkan arena politik Jepun, ramai merasai kehilangan tokoh itu yang mempunyai perwatakan lembut terhadap orang awam serta gigih merapatkan perpaduan ahli politik.

(END)